



STATISTIK SEKTORAL 2020

**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Kandungan

1. Industri Perakayuan

- 1.1 Nilai Keluaran Sektor Perhutanan, 2011 – 2020
- 1.2 Laporan Pencapaian Sektor Perhutanan 2020
- 1.3 Nilai Ekspot Produk Hiliran & Nilai Tambah, 2020
- 1.4 Destinasi Ekspot Produk Hiliran & Nilai Tambah, 2020

2. Kutipan Hasil


3. Program 'Reforestation'

- 3.1 Keluasan Penubuhan Ladang Hutan, 2011-2020
- 3.2 Keluasan Kawasan Penanaman Mengaya, 2011-2020

4. Jumlah Pengunjung ke Taman-Taman Rekreasi Hutan & Taman Negara

5. Jumlah Tenaga Kerja Di Sektor Perhutanan


1.1 Nilai Keluaran Sektor Perhutanan, 2011 - 2020 (B\$ Juta)



- Bagi tahun 2020, nilai keluaran industri perhutanan secara keseluruhannya menunjukkan penurunan sebanyak 19.9% iaitu dari \$50.83 juta (2019) kepada \$40.71 juta (2020), disebabkan oleh penurunan nilai keluaran kasar dari kedua-dua industri Pemprosesan Primer dan industri Hiliran dan Nilai Tambah Berasaskan Kayu.

1.2 Laporan Pencapaian Sektor Perhutanan 2020


PENCAPAIAN NILAI KELUARAN SEKTOR PERHUTANAN BERBANDING DENGAN NILAI KELUARAN YANG DISASARKAN BAGI TAHUN 2016-2020



Nota:

- Sasaran keluaran Sektor Perhutanan bagi tahun 2020 telah dikemaskini berdasarkan kepada keluaran pada tahun 2019, sepertimana di dalam Pelan Strategik 2020-2022 Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.
- Nilai keluaran kasar Sektor Perhutanan bagi tahun 2020 adalah berjumlah \$40.71 juta, iaitu mencapai sebanyak 79% dari nilai yang disasarkan pada tahun tersebut iaitu sebanyak \$51.80 juta.


JUMLAH NILAI KELUARAN SEKTOR PERHUTANAN BAGI TAHUN 2018-2020 & SASARAN 2021



Nota:

- Pada tahun 2019, penggunaan kaedah baru pemberian kuota pembalakan tahunan kepada syarikat-syarikat kilang papan iaitu penambahan kriteria 'prestasi syarikat' (penggunaan kuota) telah menghasilkan peningkatan kepada keluaran Industri Pemrosesan Primer dan seterusnya keluaran daripada syarikat-syarikat di bawah Industri Hiliran dan Nilai Tambah juga telah menunjukkan peningkatan.
- Walau bagaimanapun, keluaran bagi kedua-dua industri ini menunjukkan penurunan pada tahun 2020. Antara punca kepada penurunan ini adalah disebabkan oleh perintah kawalan pergerakan bagi menangani penularan wabak COVID-19 yang menimbulkan masalah mendatangkan pekerja asing yang balik ke negara asal setelah kontrak tamat, masalah logistik (pengangkutan) produk-produk yang hendak dieksport, dan penurunan permintaan pasaran-pasaran eksport.


JUMLAH NILAI KELUARAN INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER BAGI TAHUN 2018-2020



Nota:

- Pada tahun 2019, penggunaan kaedah baru pemberian kuota pembalakan tahunan kepada syarikat-syarikat kilang papan iaitu penambahan kriteria 'prestasi syarikat' (penggunaan kuota) telah menghasilkan peningkatan kepada keluaran Industri Pemprosesan Primer.
- Walau bagaimanapun, keluaran bagi industri ini menunjukkan penurunan pada tahun 2020. Antara puncanya adalah disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 dan juga keadaan cuaca yang sering hujan telah menyebabkan jalan pembalakan tidak dapat dilalui dan proses mengeluarkan balak dari hutan tidak dapat dibuat. Ini telah menjejaskan kepada sebahagian syarikat yang mempunyai kapasiti yang rendah dan tidak ada perancangan yang teratur.

JUMLAH NILAI KELUARAN INDUSTRI HILIRAN & NILAI TAMBAH BAGI TAHUN 2018-2020




Nota:

- Bagi tahun 2020, keluaran daripada syarikat-syarikat di bawah Industri Hiliran dan Nilai Tambah secara keseluruhannya telah menunjukkan penurunan sebanyak 4.6% dari tahun sebelumnya.
- Antara punca kepada penurunan ini adalah disebabkan oleh perintah kawalan pergerakan bagi menangani penularan wabak COVID-19 yang menimbulkan masalah mendatangkan pekerja asing yang balik ke negara asal setelah kontrak tamat, masalah logistik (pengangkutan) produk-produk yang hendak dieksport, dan penurunan permintaan pasaran-pasaran eksport.
- Keluaran produk-produk hiliran dan nilai tambah ini juga telah berjaya menembusi pasaran eksport dengan nilai yang dianggarkan sebanyak \$1.92 juta.

RUMUSAN PENCAPAIAN 2019

- **BAGI TAHUN 2020, NILAI KELUARAN INDUSTRI PERHUTANAN SECARA KESELURUHAN TELAH MENCATATKAN SEBANYAK \$40.71 JUTA, BERBANDING \$50.83 JUTA PADA TAHUN 2019. KELUARAN TAHUN 2020 INI HANYA MENCAPAI SASARAN SEBANYAK 79% DARI NILAI YANG DISASARKAN PADA TAHUN TERSEBUT IAITU SEBANYAK \$51.80 JUTA.**
- **MENGIKUT KATEGORI KEGIATAN DI BAWAH INDUSTRI PERHUTANAN, IAITU PENCAPAIAN BAGI (I) INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER DAN (II) INDUSTRI HILIRAN DAN NILAI TAMBAH, IANYA ADALAH SEPERTI RINGKASAN BERIKUT:-**
 - **BAGI INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER, NILAI KELUARAN INDUSTRI INI BAGI TAHUN 2020 TELAH MENCAPAI \$32.38 JUTA BERBANDING KEPADA \$42.35 JUTA PADA TAHUN 2019, IAITU PENURUNAN SEBANYAK \$9.97 JUTA ATAU 23.5%.**
 - **BAGI INDUSTRI HILIRAN DAN NILAI TAMBAH, NILAI KELUARAN INDUSTRI INI BAGI TAHUN 2020 IALAH \$8.34 JUTA BERBANDING KEPADA \$8.48 JUTA PADA TAHUN 2019, IAITU PENURUNAN SEBANYAK \$0.14 JUTA ATAU 1.7%.**

1.3 Nilai Ekspot Produk Hiliran & Nilai Tambah, 2020



Jumlah Nilai Ekspot = \$1,917,718.13

Nilai Ekspot (B\$):

Pintu Kayu : \$1,039,219.70

Bingkai Pintu & Jendela: \$233,633.12

Kayu Kumai (Moulding): \$119,630.60

Lain-lain Komponen Kayu: \$525,234.71

Destinasi Ekspot Mengikut Produk:

Pintu Kayu :

100% Malaysia

Bingkai Pintu & Jendela :

75% Malaysia, 25% Korea

Kayu Kumai (Moulding) :


100% Malaysia

Lain-lain Komponen Kayu :


100% Korea

Nota: Keluaran ekspot bagi 2020 (\$1,917,718) menurun sebanyak 35% daripada tahun 2019 (\$ 2,958,476).

1.4 Destinasi Ekspot Produk Hiliran & Nilai Tambah, 2020




2. Kutipan Hasil, 2011 - 2019




	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
R02 (Cukai-Cukai)	\$513,159	\$415,774	\$711,579	\$830,070	\$890,381	\$457,669	\$307,774	\$333,975	\$384,669	\$499,921
R03 (Yuran, Caj & Sewa)	\$0	\$210	\$420	\$420	\$2,715	\$474	\$237	\$519	\$736	\$187
R04 (Lain-Lain Hasil)	\$172,254	\$120,121	\$126,295	\$82,839	\$544,919	\$137,462	\$388,346	\$192,803	\$196,337	\$282,380
JUMLAH	\$685,413	\$536,105	\$838,294	\$913,329	\$1,438,015	\$595,605	\$696,357	\$527,298	\$581,742	\$782,488

3.1 Keluasan Penubuhan Ladang Hutan



Nota: Tidak ada aktiviti penanaman dilaksanakan semenjak 2018 kerana tidak ada peruntukan diberikan bagi projek penubuhan ladang hutan.

3.2 Keluasan Kawasan Penanaman Mengaya



Nota: Bagi tahun 2016 sehingga 2020, aktiviti penanaman tidak dapat dilaksanakan kerana pembelian anak benih adalah terhad. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pemeliharaan terus dibuat dari semasa ke semasa.

4. Jumlah Pengunjung ke Taman-Taman Rekreasi Hutan & Taman Negara, 2011 - 2020

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bukit Patoi	1,008	725	1,347	452	513	522	340	315	461	4,711
Pulau Selirong	962	595	114	211	203	318	135	119	8	0
Bukit Shahbandar	72,912	65,319	70,799	51,745	58,455	52,191	41,129	40,948	38,903	31,222
Berakas	70,823	77,476	88,004	84,488	65,814	53,710	61,864	74,729	52,958	38,865
Bukit Subok	1,372	1,368	1,745	0	0	0	0	0	0	0
Sungai Liang	37,031	35,749	21,873	19,753	25,607	21,388	20,658	30,091	59,131	47,432
Luagan Lalak	8,020	8,613	7,725	5,764	5,450	6,247	6,176	6,663	7,200	7,308
Tumpuan Telisai	9,881	11,393	8,642	10,189	14,301	12,920	11,874	12,346	14,403	7,368
Ulu Temburong National Park	8,764	10,625	9,567	10,686	9,769	10,640	13,671	14,152	21,713	8,858
Jumlah Keseluruhan	202,009	201,238	200,249	172,602	170,343	157,936	155,847	179,363	194,777	145,764

Nota: Pada tahun 2014 TRH Bukit Subok telah ditutup. Tapak ini telah diserahkan kepada Kementerian Luar Negeri dan Perdagangan

5. Jumlah Tenaga Kerja Di Sektor Perhutanan

- Pada tahun 2020, Industri Sektor Perhutanan telah mencatatkan jumlah keluaran **B\$40.44 juta** dan menjana **667 pekerjaan**.
- Seramai 158 orang (24%) adalah merupakan pekerja tempatan dan 509 orang (76%) adalah pekerja asing.

SEKIAN